

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA
PERASMIAN HARI PELADANG 1976,
DI KAMPONG KENANGAN TUN DR.
ISMAIL, MUAR, JOHOR PADA 6HB
OGOS, 1976 JAM 9.00 PAGI.

1. YAB Menteri Besar Johor,
Tan Sri Dato' Haji Othman dan Puan Sri,
2. *y.B. Tumbukan Apakau. Dewan Undangan Negeri*
3. YB Datuk Ali Haji Ahmad, Menteri Pertanian,
4. Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa
Hari Peladang 1976,
5. YB Menteri-Menteri,
6. *y.A.B. Datuk Kellia Menteri Melaka*
7. *yang Berhormat², Pegawai² Kerajaan*
8. Def-Def Terhormat,
9. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmatNya, dapat kita semua berhimpun, pada hari yang bertuah ini, untuk menyambut dan merayakan Hari Peladang 1976.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada pihak penganjur perayaan, iaitu Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri Johor, kerana memberi saya penghormatan untuk meresmikan pelancaran Hari Peladang ini. Upacara yang sama-sama kita saksikan ini, merupakan suatu perayaan peringkat nasional, yang penuh erti, dan saya percaya dapat memberi kesan yang besar kepada para peladang khususnya, dan rakyat Malaysia amnya. Saya juga turut mengucapkan selamat datang kepada semua pihak, yang telah bersusah payah, datang dari jauh dan dekat, untuk bersama-sama memeriahkan perayaan Hari Peladang tahun ini.

Saudara-saudara sekalian,

3. Saya sukacita mendapatahu, perayaan Hari Peladang ini, telah dipindahkan ke Negeri Johor, bertempat di Kampong Kenangan Tun Dr. Ismail, kerana beberapa sebab. Pertamanya, Johor sanggup ^{men}jadi tuan rumah dan ~~mampu pula mengeluarkan belanja serta mengadakan~~ organisasi yang rapi untuk menjayakan upacara ini. Selain dari itu, sepertimana yang di harapkan oleh Allahyarham Tun Razak, tiap-tiap perayaan Hari Peladang, peringkat nasional, patutlah diadakan di tiap-tiap negeri, secara bergilir, untuk memberi kesempatan kepada semua negeri menjadi tuan rumah kepada perayaan seperti ini.

4. Demikian juga, dengan diadakan perayaan dan sambutan di Taman Kenangan Tun Dr. Ismail, akan menambahkan lagi kesedaran kepada kaum peladang tentang makna dan tujuan Hari Peladang ini. Atas kesanggupan Kerajaan Johor menjadi tuan rumah serta atas kesempurnaan majlis, seperti yang kita sama-sama saksikan, saya sukalah merakamkan penghargaan dan terima-kasih Kerajaan Pusat, khasnya kepada Datuk Menteri Besar, yang saya nampak kurus sikit, kerana kurang tidur dan kurang makan, oleh sebab telah bekerja keras, bersama-sama dengan Jawatankuasa Perayaan serta Jabatan yang berkenaan. Beliau bukan sahaja ingin menentukan perayaan Hari Peladang ini berjalan dengan lancar dan licin, tetapi juga untuk

benar-benar menggambarkan potensi pertanian
di negara ini, disamping memperkuat lagi azam
para peladang menempuhi cabaran hidup dan
kemajuan negara.

5. Hakikat ini lebih-lebih lagi perlu ditegaskan, semasa Kerajaan sedang menggerakkan jenteranya bagi pelaksanaan Rancangan Buku Hijau Peringkat Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Mutu organisasi Hari Peladang ini sangat tinggi. Johor mahu membuktikan ia berupaya menyelenggarakan sesuatu yang lebih hebat dari Pesta Pembangunan dulu. Semoga usaha Kerajaan Johor ini dicontohi oleh negeri-negeri lain, bukan sahaja dari segi menarik minat orang ramai, tetapi yang penting,

pada mananamkan semangat perubahan dan kemajuan.

Saudara-saudara sekalian,

6. Thema Hari Peladang ialah - TENAGA PELADANG TULANG BELAKANG NEGARA. Thema ini, pada hemat saya, amatlah sesuai dengan realiti masyarakat kita, dan secucuk dengan usaha yang ditumpukan oleh Kerajaan dalam kegiatan membantu peladang. Demikian juga, ~~pada~~ ^{ia} menegaskan peranan peladang dalam pembangunan, disamping menentukan bekalan makanan yang cukup untuk keperluan negara. Tidak sesiapa boleh menafikan bahawa, para peladang merupakan tenaga pekerja yang terbesar dalam negara kita.

Kaum peladang adalah nadi kepada negara. Tugas mereka sama pentingnya dengan ahli-ahli pentadbir, pendidik dan golongan iktisas yang lain. Oleh itu, peranan kaum peladang, kaum tani, pekebun kecil, perlu diprojekkan supaya rakyat di bandar khususnya, faham akan pentingnya tenaga dan pengorbanan mereka itu, dalam konteks pembangunan dan kehidupan sehari-hari kita. Rakyat tidak seharusnya memandangi rendah kepada kaum peladang. Demikian juga kita ingin menegaskan bahawa sebahagian besar rakyat terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dengan kegiatan pertanian. Memandangkan betapa tingginya hasrat Kerajaan, dan betapa menyeluruhnya usaha memajukan bidang pertanian, sebagai satu cara membasmi kemiskinan, saya berseru

kepada para peladang khasnya, dan rakyat Malaysia amnya, supaya berganding bahu, bersatupadu menggembelingkan setiap tenaga, untuk membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih tinggi, serta mengekalkan keamanan dan keharmonian, di negara kita ini.

7. Rancangan Malaysia Ketiga, yang saya percaya saudara-saudara telah dengar, adalah satu-satunya usaha kerajaan yang berani, penuh dengan dayacipta dan sikap tegas, untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi, dalam segala bentuk. Rancangan ini menjadi tumpuan usaha Kerajaan yang terbesar sekali, untuk faedah dan kebajikan rakyat. Dalam hubungan ini, saya mengajak saudara sekelian supaya mengingat

jasa Allahyarham Tun Razak, yang terkenal sebagai Bapa Pembangunan, dengan strategi pembaharuan yang telah ditinggalkan olehnya, sebagai warisan untuk menjadi asas dan pedoman kita bersama. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungan dan kewajipan kita pula, untuk menjadikan warisan itu satu kenyataan dan diamalkan.

8. Bagi membolehkan kita memainkan peranan yang lebih berkesan terhadap kejayaan Rancangan Pembangunan ini, kita patutlah bukan sahaja mengerti dan memahami akan niat Kerajaan itu, tetapi hendaklah memberi sumbangan kerjasama yang paling rapi, serta mempunyai keazaman yang kuat untuk mencapai tujuan kita. Cita-cita Kerajaan, seperti kita semua sedia maklum,

adalah berusaha untuk mencapai suatu taraf kemajuan yang boleh menjadikan Malaysia ini, sebuah negara yang rakyatnya dapat hidup bersatupadu, sejahtera, adil dan makmur, sejajar dengan semangat Rukunegara. Sebab itulah Rancangan Malaysia Ketiga ini, diasaskan kepada tiga matlamat penting, iaitu membasmi kemiskinan, meneruskan usaha menyusun semula masyarakat, dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara.

Saudara sekalian,

9. Atas perkara keselamatan negara ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan bahawa kita memerlukan keadaan ^{aman} ~~awam~~ dan stabil bagi meneruskan usaha pembangunan kita. Saudara-saudara tahu masih ada puak dan golongan kecil rakyat yang menyokong gerakan komunis serta anasir anti-nasional, bagi menimbulkan keadaan huruhara, dan seterusnya menjadikan rakyat purak-puranda dan ekonomi kita lemah. Hal ini adalah merupakan suatu cabaran besar kepada kita semua, yang ingin hidup mencari rezki menurut yang diredzai Allah, dalam keadaan aman damai, dan ingin pula mengekalkan sistem

hidup bebas dan demokratik. Insya-Allah kita akan berjaya menghapuskan ancaman ini, dengan syarat rakyat semua bersatu dan bersungguh-sungguh menghadapi kewajipan kita. Tanggungjawab ini, pada hakikatnya, terletak pada kita semua, kerana kita telah sampai kepada satu peringkat di mana seluruh tenaga rakyat di satukan, bagi menentang musuh negara kita.

10. Itulah sebabnya, pada hemat saya, Hari Peladang ini, bukan sahaja mencerminkan keazaman dan kejayaan para peladang, tetapi juga suatu manifestasi rasa kesedaran yang mendalam dari setiap rakyat menghadapi musuh, oleh kerana jika kita inginkan

kebahagiaan hidup, perlulah kita membantu meninggikan taraf hidup peladang. Jika kita kasihkan negara dan memelihara sistem hidup dan kebebasan beribadat, perlulah kita bekerja-sama, antara satu dengan lain, perlulah kita bersatupadu, dan perlulah kita menjadi TULANG BELAKANG NEGARA yang kukuh, untuk menentang musuh dan mencapai kemajuan. Saya sentiasa berdoa kepada Allah, semoga dengan semangat yang kuat, dengan ketabahan usaha yang tidak terhenti-henti, Allah tetap makbulkan cita-cita kita itu.

Saudara-saudara sekalian,

11, Saya sangatlah terharu melihat perhimpunan seumpama ini, yang menunjukkan kuatnya semangat rakyat untuk mendapat kemajuan itu. Tidak syak lagi ia merupakan suatu dayausaha di antara Kerajaan dengan rakyat, yang boleh menjadi asas kepada usaha pembangunan di bidang pertanian. Di perhimpunan ini, kita melihat para peladang, kakitangan agensi Kerajaan serta rakyat biasa, turut bersama-sama, seperti juga halnya dengan perayaan lain - umpamanya Hari Guru, Hari Pahlawan, Hari Wanita dan sebagainya. Semuanya ini membawa makna dan erti kepada kaum peladang, supaya bergerak maju dan berdikari. Jadikanlah Hari Peladang ini sebagai temasya

dua hala - iaitu untuk mencapai kemajuan dan memperlihatkan kebolehan kaum tani, disamping memberi peluang kepada agensi Kerajaan mempamirkan kemudahan dan nasihat yang boleh diberikan kepada peladang.

12. Kerajaan sedar akan masalah peladang dan petani. Oleh itu, keutamaan yang tinggi telah diberikan untuk memaju dan memodenkan sektor pertanian, oleh kerana terdapat, menurut per-
hitungan kita, sebilangan besar keluarga peladang dalam keadaan daif, dengan pendapatan yang rendah. Dianggarkan lebih setengah juta, dari jumlah sejuta dua ratus ribu keluarga peladang, di Semenanjung Malaysia, memperolehi pendapatan bulanan kurang daripada \$140/-.

13. Menyedari hakikat inilah, hampir-hampir \$5,000 juta akan disalurkan kepada program meningkatkan pertanian untuk meninggikan lagi pengeluaran di kawasan pertanian yang sedia ada, supaya pendapatan para peladang bertambah. Banyak projek sedang dirancang untuk dilaksanakan oleh agensi Kerajaan, dalam lapangan penanaman semula getah, kemudahan perairan dan saluran, pemulihan kawasan pertanian, memperbagaikan tanaman atau diversification, kemudahan kredit dan perkhidmatan perkembangan atau extension services, termasuk kemudahan memproses bahan makanan dan pemasarannya.

Saudara sekalian,

14. Dalam hal ini, suka saya menyatakan bahawa semenjak Lembaga Pertubuhan Peladang ditubuhkan tiga tahun yang lalu, banyaklah usaha yang telah dan sedang dipergiatkan olehnya, untuk menyusun semula institusi luar bandar, menerusi program kerjanya, kedalam koperasi peladang. Menurut maklumat, pada masa ini, sebahagian besar daripada para peladang kita menjadi ahli, iaitu lebih dari 260 ribu orang.

15. Kemajuan yang dicapai ini adalah tanda yang sihat, dan ia mencerminkan keinginan peladang untuk maju dan memperbaiki keadaan nasib mereka dibawah nasihat Kerajaan. Saya berharap ramai lagi peladang dapat melibatkan diri dalam gerakan koperasi peladang ini, yang boleh membantu mengurang dan seterusnya mengikis kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani. Kerajaan sedar bahawa untuk menampung kemajuan sains dan teknologi di sektor pertanian, perlu pula di susun semula masyarakat tani kita berdasarkan konsep koperasi, supaya menerusi badan itu, dapat memainkan peranan, sebagai suatu saluran yang boleh menerima perubahan yang berguna, yang sentiasa berlaku dalam sektor pertanian.

16. Dibawah rancangan yang disusun, usaha akan ditumpukan bagi menambah pengeluaran pertanian. Peladang-peladang digalakkan menggunakan benih baru, mendapatkan kredit dengan mudah, termasuk bekalan bahan-bahan perlu seperti baja, racun serangga dan lain-lain lagi. Koperasi peladang akan dibantu mempunyai alat jentera dan pengangkutan sendiri, disamping mengemaskan sistem pemasaran. Semuanya ini, diharap akan dapat dilakukan dibawah gabungan satu tenaga raksaksa. Lembaga Pertubuhan Peladang telah menyediakan satu progrem rangkaian 165 buah koperasi di seluruh negara. Rangkaian ini, saya yakin akan menjadi satu kekuatan tenaga yang boleh memikul bebanan untuk memberi faedah kepada para peladang. Saya meletakkan harapan sepenuhnya bahawa Lembaga ini, dalam

gerakan koperasi peladangnya, dibantu oleh
agensi Kerajaan dan para peladang yang
menjadi ahli, benar-benar melibatkan diri
dalam konsep ini, untuk mengujudkan masyarakat
tani yang berpuashati, dengan tenaga dan usaha
yang mereka tumpukan untuk mencapai suatu
taraf hidup yang sempurna.

Saudara sekalian,

17. Baru-baru ini, semasa melancarkan
Rancangan Buku Hijau di Kedah, saya telah
mengarahkan supaya seluruh jentera Kerajaan
menumpukan perhatian kepada perkembangan
pertanian yang dibuat secara berpadu (integrated).
Seperti yang saya katakan, Kerajaan telah

mengagihkan seperempat daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Hasrat Kerajaan ialah semata-mata hendak membela nasib peladang dengan cara meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan mereka. Tema pembangunan pertanian kita, iaitu pertanian yang diusahakan secara moden, intensif dan perdagangan, atau, 'modern, intensive, commercial agriculture', hendaklah dijadikan panduan bagi mencapai matlamat kepentingan kaum peladang seluruhnya.

18. Hasrat pembangunan ini berkehendakkan sambutan dan penglibatan yang serious, daripada kaum peladang dan semua lapisan pegawai Kerajaan yang berkenaan, khasnya diperingkat daerah. Kerjasama yang erat antara kaum peladang dan agensi pertanian, amatlah penting bagi memastikan pencapaian matlamat yang dikehendaki itu. Begitu juga gembelingan usaha antara jabatan serta agensi Kerajaan, perlu diselaraskan, untuk memberi khidmat yang lebih berkesan, demi faedah dan kebajikan kaum peladang semuanya.

19. Kerajaan ingin melihat pegawai-pegawainya, bekerjasama dengan kaum peladang sebagai satu pasukan yang berpadu, atau an integrated unit, di peringkat daerah, bagi mewujudkan pengurusan pembangunan yang cekap serta teratur, dibawah pimpinan Pegawai Daerah.

20. Dalam hal ini, saya menegaskan lagi, Kerajaan berkehendakkan Lembaga Pertubuhan Peladang memainkan peranan pengurusan yang utama. Pegawai Lembaga hendaklah bertanggung-jawab menguruskan projek di kawasan pembangunan peladang, atau farmers development area, dan kawasan projek Rancangan Buku Hijau, yang

disusun menerusi jentera Jawatankuasa Tindakan Daerah. Pegawai Daerah pula hendaklah menyelaraskan setiap aktiviti dengan berkesan, supaya program pembangunan pertanian berjalan dengan baik dan tidak menjadi sebut-sebutan sahaja.

21. Kerajaan sedar tanggungjawab ini adalah berat. Tetapi saya penuh yakin, jika semua pihak, iaitu pegawai Kerajaan dan rakyat peladang, bekerjasama, bersungguh-sungguh, tulus ikhlas dan penuh dedikasi, meletakkan kebajikan kaum peladang di atas yang lain, kita akan dapat mencapai tujuan baik itu, dengan lebih berkesan dan segera lagi.

Saudara-saudara sekalian,

22. Sempena Hari Peladang ini saya sukalah menyeru seluruh kaum peladang di tanahair kita, supaya bersatu tenaga dan bermuafakat dalam satu gerakan koperasi peladang, supaya segala perkhidmatan, kemudahan dan bantuan pertanian oleh Jabatan dan Ajensi Kerajaan, lebih mudah di sampaikan kepada mereka, melalui satu saluran.

23. Dalam hubungan ini, saya berkehendakkan Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan bantuan lain-lain jabatan, menjalankan segera satu kempen membanyakkan ahli, atau membership drive campaign. Dengan cara ini, kaum peladang akan menjadi lebih teratur, dan jentera Kerajaan boleh memberikan perkhidmatan dengan lebih berkesan lagi. Pengeluaran peladang akan menjadi lebih efisien, pemasarannya kemas, dan dengan demikian, memberi keuntungan bertambah tinggi kepada peladang.

24. Sambil menggunakan sepenuhnya kemudahan dan bantuan yang diberi oleh Kerajaan itu, saya berkehendakkan peladang menurut panduan dan nasihat LPP dan FAMA, mengenai aspek pengeluaran dan pemasaran. Pengeluaran pertanian yang cekap amatlah mustahak, tetapi ianya mestilah dipadankan dengan kehendak pasaran. Oleh itu, FAMA, sebagai agensi pemasaran utama, sudah tentu akan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan. Insya-Allah, dengan strategi ini masalah pemasaran tidak akan merumitkan. Dengan lain-lain perkataan, sikap peladang sendiri, mestilah disesuaikan dengan thema 'pertanian untuk perdagangan' itu.

24a. Sebagai penutup, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Hari Peladang ini.

Pertamanya: Jadikanlah kesempatan Hari Peladang ini untuk menambahkan kesedaran bahawa bidang pertanian dan kaum peladang, adalah bahagian yang penting dalam pembangunan negara kita.

Kedua: Hari Peladang bertujuan, antara lain, menqubah sikap peladang dan petani kepada pemikiran yang lebih positif bahawa usaha secara bekerjasama dan tersusun, di bawah pimpinan agensi Kerajaan, dapat menjamin faedah yang lebih besar.

Ketiga: Kaum peladang perlu mengambil dayausaha yang lebih besar dalam keinginan membantu diri sendiri dan masyarakatnya.

Keempat: Gulungan belia patutlah menjalankan usaha yang lebih giat lagi di bidang pertanian dan peladangan ini, sejajar dengan keinginan untuk mewujudkan angkatan peladang dan petani moden.


Saudara-saudara sekalian,

25. Akhir kata, semasa kita menghadapi cabaran yang beraneka rupa, dan dalam usaha kita mencapai kemajuan, saya berseru kepada semua rakyat Malaysia, supaya melibatkan diri sepenuhnya dalam apa jua lapangan sekali pun, asalkan penglibatan saudara-saudara itu akan membawa faedah kepada negara. Kepada para peladang, saya ucapkan selamat menyambut Hari Peladang 1976. Saya percaya tiap-tiap peladang, pada hari ini, akan membuat resolusi berazam untuk bekerja keras demi ~~untuk~~ kebahagiaan keluarga, masyarakat dan negaranya.

Saudara-saudara sekalian,

26. Dengan pesanan ini, ^{dan dengan} ~~atas~~ nama Allah Yang Pemurah lagi Penyayang, ^{saya} dengan amat sukacitanya meresmikan Hari Peladang bagi tahun 1976.

Terimakasih.



BERKHIDMATAN
KELI BERDANA MENTERI



